



Ruj. Kami : JPA(I)S.175/22/1 Klt. 16 (6)
Tarikh : 22 Mac 2021

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan,

**PELAWAAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) UNTUK
PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI
PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA
SEPENUH MASA SESI 2022**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini ingin mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan **Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang memohon penajaan **Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)** bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) Secara Sepenuh Masa Sesi 2022. Penajaan HLP ini terbuka kepada semua pegawai **Perkhidmatan Awam Persekutuan** dan **Badan Berkanun Persekutuan** tertakluk kepada syarat seperti di **Lampiran 1**.

3. **Penajaan ini tidak meliputi pegawai** di Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pendidikan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), **Kementerian Pertahanan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), **Kementerian Kesihatan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), jabatan/ agensi/ badan berkanun yang telah diswastakan /dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya (dibebaskan atau tidak dibebaskan) dan organisasi-organisasi lain yang berkaitan.

4. Dalam mengemukakan pencalonan tersebut, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan adalah dipohon untuk mengikuti tatacara pencalonan seperti di **Lampiran 2** serta mematuhi tarikh-tarikh yang ditetapkan seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Permohonan secara atas talian melalui portal eSila JPA, http://esilav2.jpa.gov.my	22 Mac 2021 – 16 April 2021
2.	Tarikh tutup pencalonan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	23 April 2021
3.	Saringan dan temuduga	Jun / Julai 2021
4.	Semakan keputusan penawaran HLP	Ogos 2021

5. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak penyelaras yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

Penyelaras : Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA

No. Telefon : 03 – 8885 3053 / 3371

Emel : penawaranldp@jpa.gov.my

6. Perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. ZAINAL ABIDIN BIN SAIT)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam